



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
(MOTAC)**

MENGHARGAI USAHA KOMUNITI BINTULU DALAM SAMBUTAN PRA-GAWAI

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) merujuk kepada laporan tular di media sosial mengenai program Pra-Gawai yang berlangsung di Bintulu, Sarawak baru-baru ini.

YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya hadir ke program berkenaan atas jemputan sebagai tanda sokongan dan meraikan komuniti setempat sempena sambutan perayaan Gawai yang bakal tiba.

MOTAC menghargai usaha komuniti di Bintulu dalam menyambut Pra-Gawai yang mencerminkan perpaduan, kekayaan budaya serta keunikan tradisi masyarakat tempatan. Program Pra-Gawai berkenaan adalah sepenuhnya dianjurkan oleh komuniti setempat tanpa penglibatan, kerjasama, peruntukan mahupun sokongan rasmi daripada MOTAC. Sehubungan itu, segala aspek pelaksanaan program adalah di bawah tanggungjawab pihak penganjur.

Semangat kebersamaan yang dipamerkan dalam Program Pra-Gawai tersebut mencerminkan aspirasi negara dalam memupuk perpaduan, seterusnya merapatkan jurang antara kaum menerusi platform kebudayaan. MOTAC sentiasa menghormati cara komuniti merayakan tradisi mereka yang unik.

Mengenai beberapa isu tular berkaitan perjalanan majlis tersebut, **MOTAC memohon agar semua pihak melihatnya dari sudut positif sebagai sebahagian daripada keraian tradisi yang dianjurkan oleh masyarakat tempatan mengikut kesesuaian lokaliti mereka.**

MOTAC menegaskan bahawa sambutan kebudayaan seperti ini **tidak seharusnya dipolitikkan oleh mana-mana pihak bagi menghormati semua bangsa dan budaya**. Tindakan mensensasikan perkara ini hanya akan menjejaskan keharmonian yang telah lama terjalin.

MOTAC kekal komited untuk terus mempromosikan kepelbagaian budaya dan keharmonian masyarakat di Malaysia, selaras dengan prinsip hormat-menghormati antara kaum dan tradisi.

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
29 APRIL 2026

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181

Website: www.motac.gov.my Email: group.ukk@motac.gov.my

Facebook, Instagram, X & TikTok: @mymotac

